

APA CERITA SEBENAR



Beberapa kejadian telah menekan harga saham Globetronics ke titik terendah dalam tempoh lebih sedekad. Bagaimanapun, pemegang saham minoriti tidak dimaklumkan tentang perkembangan yang berlaku dalam Syarikat.

> **Sorotan MSWG**
Muka 5

> **Tinjauan Mingguan MSWG AGM/EGM**
Muka 9

> **Pengumuman Khas**
Muka 20

Apakah yang berlaku dalam Globetronics?

Reaksi mengejut terhadap peletakan jawatan KPMG PLT sebagai juruaudit Syarikat telah mencetuskan kejatuhan mendadak dalam harga saham Globetronics Technology Berhad. Hakikatnya, kejatuhan paling curam dalam tempoh lebih sedekad kepada paras terendah 52 sen pada 13 September 2024.

Kejatuhan hampir 33% dalam tempoh sehari berlaku pada 10 September selepas pemain dalam industri semikonduktor serta pemasangan dan ujian semikonduktor yang disumber luar (*outsourced semiconductor assembly and test*, OSAT) ini mengumumkan bahawa mereka menerima notis peletakan jawatan secara sukarela bertarikh 4 September daripada KPMG sebagai juruaudit Syarikat menurut Seksyen 281(2) Akta Syarikat 2016.

Dalam satu kenyataan media, Globetronics berkata peletakan jawatan KPMG yang akan berkuat kuasa 21 hari selepas notis (iaitu pada 25 September 2024) adalah *“selaras dengan hala tuju strategik baharu Kumpulan, yang dipengaruhi oleh pengurusan dan pemegang saham yang baru muncul”*.

Seterusnya, Lembaga Globetronics telah menyenarai pendek UHY Malaysia sebagai juruaudit baharu Syarikat, sementara menunggu penyempurnaan dokumentasi rasmi bagi merasmikan pelantikan serta memastikan ketekalannya dengan objektif strategik Syarikat.

Kebimbangan yang memburukkan lagi ketidaktentuan dalam Globetronics adalah apabila kedua-dua pelabur institusinya sejak sekian lama iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Haji (LTH), tidak lagi menjadi pemegang saham utama sebaik sahaja KPMG melepaskan jawatan mereka sebagai juruaudit luar.

Berdasarkan pemfailan kepada bursa saham bertarikh 13 September, KWSP telah menjual 9.48 juta saham Globetronics pada 10 September manakala LTH menjual 4.02 juta saham Syarikat pada hari yang sama.

Walaupun inilah julung kalinya LTH menjual saham Globetronics sejak 2021, KWSP telah mengurangkan pegangannya dalam Globetronics sepanjang 2024 dengan aktiviti penjualan semakin meningkat mulai Ogos apabila dana persaraan utama di Malaysia itu menjual 31.34 juta atau 4.6% saham Globetronics pada Ogos dan September.

Setakat ini, KWSP telah menjual 70.65 juta saham Globetronics yang mewakili 10.46% pegangan dalam Syarikat itu, meninggalkannya dengan kira-kira 26.21 juta atau 3.88% pegangan dalam Syarikat pada 11 September 2024. KWSP pernah memiliki sebanyak 89.52 juta saham atau 13.26% pegangan dalam Globetronics pada Mac 2024.

Globetronics ditubuhkan pada 1991 dan disenaraikan di Bursa Malaysia sejak 2001. Pengkhususan Globetronics adalah dalam pemasangan dan pengujian litar bersepadu, produk kristal kuarza, optoelektronik dan perkhidmatan penyaduran teknikal.

Globetronics beroperasi di Malaysia, selain memenuhi pasaran di Asia Tenggara dan Amerika Utara, sekali gus menjadikan kumpulan itu sebagai entiti yang terkemuka dalam sektor perkhidmatan pembuatan elektronik dan semikonduktor.

Kronologi peristiwa

Imbas kembali perjalanan Globetronics yang terjatuh lalu ditimpa tangga. Semuanya tercetus selepas APB Resources Berhad mengambil alih saham Syarikat. Pada Disember 2023, APB Resources mencadangkan untuk mengambil alih 10.37% pegangan atau 70 juta saham dalam Globetronics pada harga RM140 juta daripada General Produce Agency Sdn Berhad dan Ng Kweng Chong Holdings Sendirian Berhad. Pengambilalihan ini telah dimuktamadkan pada 15 Februari 2024.

Sementara menunggu urusan niaga ini diselesaikan, pada 17 Januari 2024, saham Globetronics telah dijual secara besar-besaran, dengan penurunan harian sebanyak 11.3%, menurunkan harga saham kepada RM1.49. Turut menyertai Globetronics dalam penjualan pasaran pada hari yang sama ialah APB Resources, menjadikan sahamnya menjunam 17.7% kepada RM2.05.

Kemunculan APB Resources turut mencetuskan perubahan yang ketara dalam bilik lembaga Globetronics. Para pengarah yang sedia ada meletakkan jawatan dan bersara daripada Lembaga Pengarah, membuka laluan kepada muka-muka baharu, yang sebahagian daripadanya dikaitkan dengan APB Resources.

Kemudian pada 10 Mei 2024, pengarah eksekutif Encik Ng Kok Choon mengumumkan persaraan beliau daripada Lembaga Pengarah, menandakan keluarnya keseluruhan keluarga Ng daripada Globetronics, yang diasaskan bersama 23 tahun lalu oleh Michael Ng Kweng Chong. Kweng Chong meletak jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif Lembaga Pengarah pada 1 November 2022.

Berdasarkan harga Globetronics yang ditutup pada 60.5 sen pada 19 September, dianggarkan bahawa APB telah mengalami kerugian atas kertas yang ketara sebanyak RM97.65 juta daripada pelaburannya dalam Globetronics. Pada tarikh tersebut, kaunter merudum sebanyak 62%.

Seakan mencerminkan kejatuhan Globetronics, harga saham APB Resources turut merudum hampir 30% kepada paras terendah dalam tempoh 52 minggu pada 71 sen pada 17 September 2024. Ini diikuti dengan kejatuhan selanjutnya sebanyak 13 sen atau 18.31% kepada 58 sen pada 18 September. Ia ditutup pada 60 sen pada 19 September.

Bursa Malaysia telah menggantung jualan singkat intra hari (*intraday short selling*, IDSS) APB Resources sebanyak empat kali antara 10 – 18 September, berikutan harga terakhir saham itu turun lebih daripada 15% atau 15 sen daripada harga rujukan. Setakat ini, APB Resources telah mengalami penurunan mendadak sebanyak 76.33%.

Selain itu, juruaudit luar APB Resources pada 31 Julai telah menyatakan “pendapat bersyarat” terhadap penyata kewangan terbaharu Kumpulan yang sudah diaudit berhubung deposit khusus berjumlah RM22.78 juta. Walaupun deposit itu sudah

dipulangkan sepenuhnya selepas pembatalan urusan niaga yang berkaitan, juruaudit luar itu mengesyorkan supaya Kumpulan menjalankan prosedur yang meluas bagi mengesahkan rasional urusan niaga ini kepada perniagaan mereka serta menilai sebarang kemungkinan berlaku ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

APB Resources juga telah membuat pinjaman dalam jumlah yang besar untuk memperoleh 70 juta saham dalam Globetronics dengan harga RM140 juta atau RM2 sesaham yang dianggap sebagai premium kepada julat dagangan saham Globetronics pada masa itu iaitu RM1.50. APB membuat pinjaman berjumlah RM95 juta pada kadar faedah 6.15% untuk membiayai pengambilalihan itu, manakala jumlah selebihnya dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman.

Pada masa ini, APB Resources berdepan dengan situasi bahaya yang berganda. Mereka bukan sahaja perlu berdepan dengan pembayaran balik jumlah pinjaman yang besar itu tetapi juga kerugian besar atas kertas hampir RM100 juta berikutan kejatuhan drastik dalam nilai saham Globetronics.

Adakah cuaca Globetronics kembali cerah?

Pada masa ini, prospek semasa Globetronics ternyata jauh daripada meyakinkan. Keuntungan bersihnya untuk setengah tahun pertama tahun kewangan 2024 berakhir 30 Jun 2024 turun 3.64% kepada RM10 juta daripada RM10.38 juta setahun yang lalu manakala pendapatannya menyusut 10.8% kepada RM57.66 juta daripada RM64.64 juta.

Bagaimanapun, penurunan yang lebih besar dilihat pada suku tahun yang ditinjau yang mana keuntungan bersihnya bagi tempoh berakhir 30 Jun 2024 menyusut 39.6% kepada RM4.27 juta (suku kedua tahun kewangan 2023: RM7.08 juta) manakala pendapatannya menyusut 11.91% kepada RM27.76 juta (suku kedua tahun kewangan 2023: RM31.51 juta).

Ibarat mencurahkan garam kepada luka, penghutang, deposit dan prabayaran lain Globetronics turut meningkat secara mendadak, yang melonjak kepada RM65.56 juta pada 30 Jun 2024, daripada hanya RM1.04 juta enam bulan sebelum ini. Memandangkan pihak pengurusan tidak memberikan apa-apa penjelasan lanjut, maka tercetuslah pelbagai spekulasi berhubung asal usul item ini.

Selain perkara di atas, UOB Kay Hian Research telah menghentikan liputan ke atas Globetronics “disebabkan pengagihan semula sumber pasukan”. Berikutan pertukaran dalam penilaian, firma penyelidikan itu menyatakan bahawa harga sasaran berasaskan PEnya (nisbah harga kepada pendapatan) iaitu RM1.20 pada 24 Ogos (pada penarafan “pegang”) telah diturunkan kepada 60 sen berdasarkan 1.3x nisbah harga kepada nilai buku (*price to book value ratio*, PBV) berdasarkan nilai buku sesaham (*book value per share*, BVPS) 2025.

Ringkasnya, orang ramai yang melabur dirahsiakan tentang perkembangannya dalam Globetronics, terutamanya dari sudut korporat, dengan prospek perniagaannya telah berubah secara mendadak sejak kemunculan APB Resources sebagai pemegang saham besar dan mengambil alih kawalan pengurusan. Ooi Keng Thye, yang pertama kali muncul

sebagai pemegang saham besar dalam Globetronics pada Julai 2023, kini memegang pegangan terbesar dalam Globetronics dengan 11.39%.

Secara keseluruhan, peletakan jawatan juruaudit luar serta pemindahan dana institusi secara besar-besaran tidak memberikan isyarat yang positif kepada pasaran. Apakah isu asas yang mendorong penjualan oleh dana institusi? Adakah mereka mempunyai maklumat yang tidak diketahui oleh pemegang saham minoriti? Disebabkan tiada penjelasan daripada Syarikat tentang perkara yang mungkin berlaku pada masa hadapan, orang ramai yang melabur terdorong membuat spekulasi, yang terus menerus meletakkan mereka dalam situasi yang tidak pasti.

SOROTAN PENTING MSWG

Dalam The Observer edisi 6 September 2024, MSWG menarik perhatian kepada satu lagi percubaan penswastaan, kali ini menyasarkan Grand Central Enterprises Bhd (GCE). Perkembangan ini berlaku tidak lama selepas kes penswastaan MPH Capital Berhad yang dilaporkan minggu sebelumnya, mewujudkan tanda amaran dalam kalangan pemegang saham minoriti yang menyuarakan kebimbangan mereka terhadap harga tawaran yang ditetapkan pada diskaun yang tinggi.


Langkah penswastaan ini pertama kali diumumkan pada 22 Julai 2024 oleh pemegang saham pengawal GCE iaitu Hotel Grand Central Limited (HGCL) dan Tan Chee Hoe & Sons Sdn Bhd (TCHSSB), yang secara kolektif memegang 73.39% kepentingan dalam GCE. Sebagai Pencadang atau Pembuat Tawaran Bersama, mereka menyasarkan untuk memperoleh baki 26.61% atau 52.43 juta saham GCE yang masih belum dimiliki oleh mereka. Pembuat Tawaran Bersama mencadangkan untuk menarik balik status penyenaian GCE di Bursa Malaysia, dengan Tawaran Keluar sebanyak 46 sen sesaham sekiranya resolusi itu diluluskan oleh pemegang saham dalam mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang diadakan pada 13 September. Sekali lagi, harga tawaran itu mencetuskan kontroversi dalam kalangan pemegang saham minoriti yang mempersoalkan kewajaran tawaran itu.

Penasihat Bebas (*Independent Adviser*, IA), Main Street Advisers Sdn Bhd, menyatakan dalam surat nasihat bebas mereka bertarikh 22 Ogos 2024 bahawa Tawaran Keluar adalah “tidak adil tapi munasabah”. Walaupun IA mengesyorkan supaya pemegang saham menerima tawaran itu, ramai pemegang saham jangka panjang tidak berpuas hati. Mereka melihat harga tawaran 46 sen sesaham sebagai diskaun yang tinggi; masing-masing 60.68% dan 52.08% di bawah Nilai Aset Bersih yang Dinilai Semula (*Revalued Net Asset Value*, RNAV) dan Nilai Aset Bersih (*Net Asset Value*, NAV) GCE.

Segelintir pemegang saham minoriti memaklumkan MSWG bahawa mereka akan mengundi “Menentang” Cadangan Keluar dalam EGM. Bagaimanapun, mereka mengakui bahawa jumlah mereka terlalu kecil untuk mempengaruhi keputusan supaya memihak kepada mereka.

Mesyuarat Agung Luar Biasa GCE

EGM itu yang berlangsung pada 13 September 2024 di Hotel Grand Continental GCE di Kuala Lumpur, dihadiri kira-kira 30 pemegang saham. Walaupun Pengerusi Lembaga Pengarah tidak hadir, salah seorang Pengarah Eksekutif mempengerusikan mesyuarat itu, dengan kehadiran pengarah lain. Pemegang saham minoriti mengambil peluang untuk menyuarakan kebimbangan mereka secara terus kepada Lembaga Pengarah, Penilai, Penasihat Bebas dan Penasihat Utama berhubung syarat-syarat penswastaan.



MSWG memainkan peranan penting dalam mengetuai sesi Soal Jawab, membangkitkan beberapa perkara kritikal, termasuk:



1. **Rizab Tunai dan Harga Tawaran:**

MSWG menegaskan bahawa GCE Berhad mempunyai wang tunai berjumlah RM42.5 juta pada 30 Jun 2024, yang bersamaan dengan 22 sen sesaham. Selepas mengambil kira wang tunai ini, harga tawaran berkesan dikurangkan kepada 24 sen sesaham, iaitu pada diskaun 75% yang lebih curam berbanding RNAV GCE sebanyak 95 sen (tidak termasuk wang tunai 22 sen sesaham). Kami ingin mengetahui sebab Pembuat Tawaran Bersama tidak berhasrat untuk mengagihkan wang tunai dalam Syarikat kepada semua pemegang saham, sebaliknya menyimpan wang tunai untuk diri sendiri.

2. **Pengendalian Perniagaan:** Kami mempersoalkan rasional di sebalik Cadangan Keluar. GCE dicadangkan supaya menggunakan rizab tunai RM42.5 juta untuk membaik pulih hotelnya, bermula dengan Hotel Grand Continental Kuala Lumpur, yang mana kos baik pulih dianggarkan berjumlah RM12.3 juta. Selain itu, dengan kelima-lima hotel tanpa beban, GCE boleh mengumpulkan dana melalui pinjaman bank dengan menggunakan asetnya sebagai cagaran.

3. **Peranan Pengarah Bebas:** Kami mempersoalkan tindakan Pengarah Bebas yang sepatutnya dibuat demi kepentingan terbaik pemegang saham minoriti, sedangkan mereka membenarkan tawaran diskaun yang begitu ketara diteruskan.

4. **Rundingan untuk Tawaran Yang Lebih Baik:** Kami bertanya sama ada Pengarah Bebas telah berusaha untuk merundingkan harga tawaran yang lebih tinggi demi manfaat pemegang saham minoriti, memandangkan tawaran semasa mewakili diskaun yang besar.

Proses pengundian dijalankan secara manual, dengan pemegang saham menyerahkan undi mereka melalui borang. Memandangkan Cadangan Keluar tidak dianggap sebagai transaksi pihak berkaitan dan tidak menimbulkan konflik kepentingan di bawah Syarat-syarat Penyenaraian, oleh itu, pihak yang berkepentingan tidak perlu mengelak daripada mengundi resolusi ini dalam EGM, tanpa mengira pegangan saham mereka iaitu secara langsung atau tidak langsung.

Walaupun berdepan cabaran yang sukar, MSWG memainkan peranan penting dalam merangsang sokongan, meyakinkan pemegang saham minoriti untuk menghadiri mesyuarat serta melaksanakan hak mereka untuk mengundi.

Usaha MSWG ini ternyata membuahkan hasil. Sewaktu EGM, 10.76% undi telah dibuat menentang resolusi khas untuk meluluskan Cadangan keluar. 42 pemegang saham yang hadir, sama ada secara peribadi atau melalui proksi, telah mengundi "Menentang" tawaran itu, yang akhirnya menghalang resolusi khas daripada diluluskan. Jika tidak kerana penolakan dua borang proksi yang tidak sah kerana notis yang tidak mencukupi, peratusan undi yang menentang resolusi itu akan menjadi lebih tinggi.

Siaran Akhbar MSWG

MSWG mengeluarkan kenyataan akhbar selepas EGM GCE, menekankan kepentingan aktivisme pemegang saham minoriti serta komitmen berterusan MSWG untuk mempertahankan hak pemegang saham minoriti di Malaysia. Penolakan resolusi khas dalam EGM itu adalah kemenangan demokrasi untuk pemegang saham, membuktikan bahawa walaupun terdapat cabaran yang besar, pemegang saham minoriti mampu melakukan perubahan apabila mereka bersatu. Siaran akhbar kami mendapat liputan yang menggalakkan daripada akhbar harian tempatan termasuk Nanyang Siang Pau dan Oriental Daily News.



MEDIA RELEASE

MSWG APPLAUDS MINORITY SHAREHOLDERS' REJECTION OF GCE'S DELISTING OFFER

KUALA LUMPUR, 14 SEPTEMBER 2024 – The Minority Shareholders Watch Group (MSWG) lauds outcome of the extraordinary general meeting (EGM) held on 13 September 2024, where minority shareholders of Grand Central Enterprises Bhd (GCE) rejected the Proposed Withdrawal of Listing, a delisting attempt led by GCE's controlling shareholders, Hotel Grand Central Limited (HGCL) and Tan Chee Hoe & Sons Sdn Bhd (TCHSSB).

At the EGM, 42 shareholders, representing 10.76% of GCE's total issued shares, voted against the delisting offer. This strong dissent derailed the privatisation plan, which required approval from shareholders representing 75% of total issued shares, with fewer than 10% voting against the resolution.

HGCL and TCHSSB, who collectively hold 73.39% of GCE's issued shares as of 16 August 2024, had offered 46 sen per share to acquire the remaining 26.61% or 52.43 million shares, that they did not own under what was referred to as the Exit Offer.

"Since the Exit Offer was made, we have received disgruntled responses from minority shareholders about the Offer Price. We are pleased that minority shareholders made the decision and rejected this offer," said Dr. Ismet Yusoff, the Chief Executive Officer of MSWG.

The Exit Offer of 46 sen per share represented a significant 60.68% discount to the Revalued Net Asset Value (RNAV) and a 52.08% discount to the Net Asset Value (NAV) of GCE. The Independent Adviser, MainStreet Advisers Sdn Bhd had recommended shareholders accept the Exit Offer, despite it being "not fair but reasonable".

MSWG played a pivotal role in ensuring that minority shareholders were present and voted at the EGM. As a leading advocate for minority shareholders' rights, MSWG has been relentless in its efforts to educate the public on this delisting offer.

"This marks a significant achievement for minority shareholders. It shows that minority shareholders, when unified, can effectively influence corporate outcomes," added Dr. Ismet Yusoff.

MSWG will continue to closely monitor the developments at GCE. Moving forward, if GCE persists with its delisting intentions, it is imperative that any revised offer must be "fair and reasonable" for all shareholders. Meanwhile, independent directors who are entrusted to protect the interests of minority shareholders should reject privatisation offers that are grossly unfair to minority shareholders.

MSWG remains steadfast in its advocacy for equitable privatisation offers and fair treatment of minority shareholders.

-END-

About Minority Shareholders Watch Group

The Minority Shareholders Watch Group (MSWG), established in 2000 as a government initiative for the capital market, is an independent body advocating for the interests of minority shareholders by promoting good governance and sustainability practices among public-listed companies on Bursa Malaysia. Through shareholder activism and research analysis, MSWG represents the collective interest of retail and institutional minority shareholders with a view to raising companies' governance and sustainability standards and increasing shareholder value over time.

For more information, please visit our website at www.mswg.org.my.

For any inquiries, please contact:

Chief Executive Officer

Dr. Ismet Yusoff

Tel: +603 2732 0010

Email: ismet@mswg.org.my

Manager, Corporate Monitoring

Lim Jian Yai, Kris

Tel: +603 2732 0010

Email: jjam@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (01-0000200)

23-2, Menara AIA Sentral
No. 30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur



Tel: +60 3 2732 0010
Email: mwatch@mswg.org.my
Website: www.mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (01-0000200)

Page 2 of 2

东方ONLINE 推荐 国内 国际 视频 财经 社会 地方 U玩食 世界万象



财经 发布于 2024年09月18日 14时42分 · 最后更新 2天前 · 整理: 曾国章

老牌酒店公司下市受挫 大股东缘何被绊倒?

小股东权益监管机构 (mswg)

(吉隆坡18日讯) 老牌酒店公司大中企业 (GCE, 5592, 主板消费股) 上周召开特别股东大会, 寻求私有化公司, 但以失败告终, 小股东权益监管机构 (MSWG) 发挥了关键作用。

1968年成立的大中企业, 旗下最有名的酒店是吉隆坡大洲酒店。

Source: <https://www.orientaldaily.com.my/news/business/2024/09/18/680355>

南洋 财经 股汇行情 时事 国际 地产 市场情报 视频 言论
您的财富伙伴

财经新闻

MSWG赞赏小股东团结 拒绝大中企业退市献议

2024年09月16日

(吉隆坡16日讯) 小股东权益监管机构 (MSWG) 赞扬小股东, 拒绝接受主要股东提出的大中企业 (GCE, 5592, 主板酒店股) 退市献议。

上周五 (13日) 召开的股东特大会议, 大中企业42名占已发行股份10.76%的小股东, 投票反对主要股东Hotel Grand Central Limited (HGCL) 和Tan Chee Hoe&Sons Sdn Bhd (TCHSSB) 的退市献议。

此反对声浪, 令大中企业的私有化计划遇阻, 因为该计划需获占总发行股份75%的股东批准, 并且只有10%以下的股东反对才能执行。

MSWG总执行长依斯莫尤索夫在文告中表示: “自退市献议提出后, 我们收到小股东对收购价的不满。我们对小股东拒绝接受献议的结果感到高兴。”

“这也标志着小股东所取得的重大成就, 它表明当少数股东团结一致, 便可有效影响企业结果。”

Source: https://www.enanyang.my/财经新闻/mswg_赞赏小股东团结-拒绝大中企业退市献议

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 23 hingga 27 September 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Perkara penting:

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
23.09.24 (Isnin) 10.30 pagi	APB Resources Berhad (AGM)	<p>Pemerolehan 70,000,000 saham, mewakili 10.41% pegangan ekuiti dalam Globetronics Technology Berhad ("Globetronics") untuk balasan tunai berjumlah RM140,000,000 telah diselesaikan pada 16 Februari 2024. (Halaman 110, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Pertimbangan tunai sebanyak RM2.00 sesaham mewakili premium sebanyak 13.64% kepada harga pasaran berpurata wajaran (<i>volume weighted average market price</i>, VWAMP) untuk volum selama lima hari saham Globetronics sehingga dan termasuk 15 Disember 2023, iaitu tarikh dagangan terakhir sejurus sebelum pengumuman pemerolehan Globetronics pada RM1.76.</p> <p>Bagaimanapun, harga saham Globetronics telah didagangkan jauh di bawah RM2.00 sepanjang tempoh enam bulan yang lalu. Ia didagangkan pada RM0.53 pada 17 September 2024.</p> <p>a) Memandangkan RM95 juta daripada pertimbangan pembelian telah dibiayai melalui pinjaman bank dengan kadar faedah 6.15%, manakala RM45 juta lagi dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman, apakah jumlah kos efektif Syarikat untuk pengambilalihan ini selepas memfaktorkan pembayaran faedah dalam tempoh tujuh tahun akan datang serta kos tersirat menggunakan dana yang dijana secara dalaman?</p>

		<p>b) Melihat penurunan harga saham Globetronics baru-baru ini, sejauh manakah sensitifnya pulangan saham dalam Globetronics secara keseluruhan terhadap pasaran yang tidak menentu?</p> <p>c) Apakah rancangan Syarikat untuk pelaburannya dalam Globetronics? Adakah Syarikat akan meneruskan pelaburan atau adakah terdapat strategi untuk melupuskannya secara berperingkat serta mengalihkan sumber kepada peluang yang lebih berpotensi?</p>
24.09.24 (Selasa) 11.00 pagi	George Kent (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melabuhkan tirai tahun kewangan 2024 dengan pendapatan berjumlah RM134.45 juta dan kerugian sebelum cukai sebanyak RM25.70 juta. Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan sebuah syarikat bersekutu, yang memberi kesan kepada bahagian Kumpulan daripada keputusan syarikat bersekutu serta kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah sebenarnya yang menyebabkan kerugian rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan syarikat bersekutu itu? Apakah kebarangkalian kerugian rosot nilai ini dapat dibalikkan pada tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Apakah prospek Kumpulan untuk tahun kewangan 2025 dan bilakah ia dijangka kembali menjana keuntungan?</p>
24.09.24 (Selasa) 02.00 petang	AT Systemization Berhad (AGM)	<p>Dalam jawapan kepada soalan MSWG bertarikh 25 September 2023, disebutkan bahawa Syarikat telah melaksanakan atau merancang untuk melaksanakan strategi utama seperti meluaskan bahagian pasaran serta jangkauan pasaran dengan membangunkan produk baharu, memasuki segmen baharu dan meneroka peluang baharu.</p> <p>a) Apakah tindakan yang diambil oleh Syarikat untuk meluaskan bahagian pasaran dan jangkauan pasarnya? Adakah Syarikat berjaya</p>

		<p>mendapatkan pelanggan baharu pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>b) Walaupun terdapat usaha untuk meningkatkan kecekapan serta meningkatkan kepuasan dan kesetiaan pelanggan, Kumpulan melaporkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM85.47 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM82.70 juta). Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap keberkesanan strategi ini secara keseluruhan?</p>
25.09.24 (Rabu) 10.00 pagi	LB Aluminium Berhad (AGM)	<p>Melangkah ke hadapan, Kumpulan menyasarkan untuk meningkatkan automasi dalam barisan pengeluarannya, mengembangkan kapasiti sistem fotovoltan solar serta memantau kecekapan operasi dengan teliti bagi mengurangkan kos pengeluaran (Halaman 85, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah kadar penggunaan Kumpulan untuk Segmen Aluminium pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun sebelumnya?</p> <p>b) Apakah tahap automasi yang disasarkan dalam barisan pengeluaran untuk tahun akan datang? Apakah pula kemajuan yang dicapai pada tahun kewangan 2024 ke arah mencapai sasaran ini?</p> <p>c) Selain menambah baik automasi dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh dibaharui, apakah inisiatif utama lain yang telah dirancang oleh Kumpulan untuk mengurangkan kos pengeluaran?</p>
25.09.24 (Rabu) 10.00 pagi	Superlon Holdings Berhad (AGM)	<p>Margin keuntungan kasar meningkat kepada 33.6% (tahun kewangan berakhir 2023: 25.2%) untuk Bahagian Penebat terutamanya disebabkan oleh kos bahan mentah yang lebih rendah, pergerakan kadar pertukaran asing yang menggalakkan, lebih banyak jualan kepada pasaran yang bermargin lebih tinggi serta kecekapan pengeluaran yang disumbangkan oleh kilang di Vietnam (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024).</p>

		<p>a) Sila berikan pandangan tentang trend harga bahan mentah utama serta produk penambat Kumpulan sejak dua tahun lalu.</p> <p>b) Negara manakah yang menyumbang kepada margin keuntungan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya? Adakah jualan ini dijangka mampan pada masa hadapan? Apakah kekuatan dan inisiatif strategik Kumpulan untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya dalam pasaran ini?</p> <p>c) Apakah kapasiti pemasangan tahunan dan kadar penggunaan kilang di Malaysia dan Vietnam pada tahun kewangan 2024? Selain itu, berapa peratuskah proses pembuatan yang telah diautomasikan pada masa ini?</p>
25.09.24 (Rabu) 11.00 pagi	Iris Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan daripada bahagian penyelesaian ID yang diyakini (Trusted ID) meningkat 7% kepada RM369.1 juta pada tahun kewangan 2024, didorong oleh peningkatan dalam pengeluaran ePassport dan kad eID. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai melonjak 64% kepada RM63.9 juta. Melangkah ke hadapan, Kumpulan menjangkakan untuk terus memperoleh pendapatan daripada projek Trusted ID yang sedang berjalan di rantau Afrika dan Asia. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah buku pesanan yang diperolehi oleh bahagian Trusted ID pada tahun kewangan 2024? Bagaimanakah jumlahnya jika dibandingkan dengan setahun yang lalu?</p> <p>b) Apakah buku pesanan terkini Kumpulan yang masih berbaki dan apakah pecahannya mengikut wilayah?</p> <p>c) Apakah sasaran penambahan buku pesanan Kumpulan untuk tahun kewangan 2025?</p> <p>d) Apakah prospek untuk tahun kewangan 2025 yang berbaki, terutamanya dari segi pendapatan dan margin keuntungan?</p>

<p>25.09.24 (Rabu) 11.30 pagi</p>	<p>Talam Transform Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 2024, Kumpulan berjaya dalam perundingan dengan Kumpulan IJM untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik sejumlah RM235.76 juta yang terhutang kepada mereka selama dua tahun, kepada 21 Mei 2026, dengan syarat untuk menggabungkan persetujuan bersama dengan menyerahkan sebuah hartanah kepada Kumpulan IJM bagi menyelesaikan sebahagian daripada jumlah tersebut, serta menetapkan hartanah tertentu kepada mereka sebagai cagaran untuk bakinya. (Halaman 18, Laporan Tahunan)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Di manakah lokasi dan nilai hartanah yang telah dikenal pasti oleh Kumpulan sebagai sebahagian daripada penyelesaian jumlah yang terhutang kepada Kumpulan IJM? b) Berapakah nilai dan di manakah lokasi hartanah yang dicagarkan oleh Kumpulan kepada Kumpulan IJM sebagai cagaran untuk baki jumlah terhutang kepada Kumpulan IJM? c) Mengapakah Syarikat tidak menjelaskan hutangnya kepada Kumpulan IJM dengan cara melupuskan tanah Syarikat memandangkan cara ini tidak menyebabkan Syarikat menanggung kos kewangan tambahan ke atas jumlah yang terhutang? d) Berapakah kadar faedah yang dikenakan oleh Kumpulan IJM?
<p>25.09.24 (Rabu) 02.30 petang</p>	<p>Farm Fresh Berhad (AGM)</p>	<p>1. Kini, Syarikat adalah pengeluar tenusu bersepadu sepenuhnya, mengendalikan tujuh ladang tenusu dan empat kemudahan pemprosesan di Malaysia dan Australia. Selepas dinobatkan sebagai pengeluar produk tenusu bersepadu terbesar di Malaysia, Syarikat bersedia untuk meluaskan lagi kehadirannya di rantau Asia Pasifik. (Halaman 8-9, Laporan Tahunan Bersepadu 2024)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Selain daripada mengukuhkan kehadirannya di Australia dan Filipina, negara manakah lagi yang ingin ditembusi oleh Syarikat dan apakah garis masanya?

		<p>b) Seperti yang dinyatakan di halaman 242 Laporan Tahunan Bersepadu 2024, operasi Australia menunjukkan kerugian segmen berjumlah RM8.9 juta pada tahun kewangan 2024. Sila terangkan bagaimana dan apakah faktor utama yang menyumbang kepada kerugian ini? Apakah prospek untuk tahun kewangan 2025?</p> <p>2. Pada Mei 2023, Syarikat telah menyelesaikan 65% proses pengambilalihan The Inside Scoop Sdn. Bhd., diikuti dengan pengambilalihan 70% Sin Wah Ice Cream Sdn. Bhd. pada Oktober 2023. (Halaman 28, Laporan Tahunan Bersepadu 2024)</p> <p>Bagaimana dan sejauh manakah kedua-dua syarikat yang diambil alih ini telah menyumbang atau menambah nilai kepada Kumpulan?</p>
<p>26.09.24 (Khamis) 09.00 pagi</p>	<p>XL Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2024, pendapatan daripada Segmen Makanan terus menjadi penyumbang utama, yang merangkumi 62.7% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Bagaimanapun, segmen itu melaporkan purata pendapatan bulanan yang lebih rendah sebanyak RM3.69 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM4.13 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2023 (Halaman 21, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Pada AGM yang lalu, Kumpulan menyatakan bahawa segmen makanan akan menjadi tumpuan untuk pengembangan perniagaan dan permintaan untuk produk makanan dijangka meningkat secara beransur-ansur. Sila jelaskan sebab purata pendapatan bulanan yang lebih rendah pada tahun kewangan berakhir 2024. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mengembangkan segmen ini?</p> <p>b) Segmen makanan melaporkan kerugian selepas cukai sebanyak RM500,059, berbanding keuntungan selepas cukai berjumlah RM1.09 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2023.</p>

		Apakah yang menyebabkan peralihan kepada kedudukan kerugian? Bagaimanakah margin keuntungan kasar segmen makanan berbanding dengan tempoh kewangan berakhir 2023?
26.09.24 (Khamis) 09.30 pagi	NTPM Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan tahun ke tahun yang lebih tinggi sebanyak RM905.5 juta (tahun kewangan 2023: RM868.3 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.8 juta (tahun kewangan 2023: RM174K) (Halaman 93, Laporan Tahunan 2024), Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM7.9 juta pada tahun kewangan 2024, meningkat 34.2% berbanding kerugian selepas cukai berjumlah RM5.9 juta pada tahun kewangan 2023. Kadar cukai berkesan Kumpulan untuk tahun kewangan 2024 adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun terutamanya disebabkan oleh kerugian cukai yang tidak digunakan oleh subsidiari tertentu, yang tidak mengiktiraf aset cukai tertunda kerana tidak memenuhi kriteria pengiktirafan untuk cukai tersebut. (Halaman 3, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Adakah NTPM menjangkakan aspek percukaian ini akan terus menjejaskan keuntungannya pada tahun kewangan 2025? Jika ya, sila jelaskan.</p> <p>b) Apakah yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan untuk mengurangkan sebarang potensi yang memberi kesan negatif pada masa hadapan?</p>
26.09.24 (Khamis) 10.30 pagi	BESHOM Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, Kumpulan melaksanakan kempen pengambilan ahli baharu dengan tawaran istimewa bagi memacu pertumbuhan dan mengekalkan keahlian. Ahli baharu boleh menyertai pasukan jualan dengan yuran pentadbiran yang rendah sebanyak RM10, yang merangkumi kelayakan untuk membeli produk dengan harga serendah RM1, berserta sampel percuma dengan setiap pembelian. Program ahli baharu yang menarik ini membolehkan Kumpulan merekrut kira-kira 10,000 ahli baharu pada tahun tersebut dan mengekalkan jumlah tenaga pengedar pada kira-kira 43,000 ahli pada akhir tahun</p>

		<p>kewangan 2024. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Daripada 43,000 ahli ini, apakah pecahan antara ahli aktif dan tidak aktif?</p> <p>b) Berapakah pendapatan bulanan purata yang dijana oleh setiap ahli untuk tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023? Apakah rancangan Kumpulan untuk meningkatkan pendapatan yang dijana oleh setiap ahli pada tahun kewangan 2025?</p>
26.09.24 (Khamis) 11.00 pagi	SKP Resources Berhad (AGM)	<p>“Pada tahun yang ditinjau, Kumpulan terus menumpukan kepada menyampaikan penyelesaian perkilangan yang inovatif serta menangani dengan pantas halangan berterusan yang disebabkan oleh inflasi serta permintaan yang lebih lunak dan tidak menentu di sepanjang rantaian bekalan global” (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Sejauh manakah Syarikat berjaya menyalurkan kenaikan kos yang disebabkan oleh inflasi, jika ada usaha sedemikian?</p>
26.09.24 (Khamis) 11.00 pagi	Asdion Berhad (AGM)	<p>Baki bank dan tunai Kumpulan untuk tempoh kewangan berakhir 2024 berjumlah RM53,406 (tahun kewangan berakhir 2023: RM106,028) (Halaman 62, Laporan Tahunan 2024). Manakala liabiliti kewangan Kumpulan atas permintaan tidak lewat dari setahun berjumlah RM7.5 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM10.7 juta) (Nota 37.4, halaman 171 & 172, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Memandangkan tunai dan baki bank yang tersedia untuk digunakan adalah rendah, bagaimanakah Kumpulan merancang untuk memenuhi tanggungjawab kewangan semasanya? Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk membiayai modal kerjanya untuk tempoh 12 bulan akan datang?</p>
26.09.24 (Khamis) 02.00 petang	AHB Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM24.6 juta dan kerugian RM25.5 juta dalam tempoh 18 bulan berakhir 31 Mac 2024 (tahun kewangan 2024). Kos jualan sebanyak RM25.9</p>

		<p>juta pada tahun kewangan 2024 adalah lebih tinggi daripada pendapatan yang berjumlah RM24.6 juta. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Sila jelaskan kebolehlaksanaan model perniagaan Kumpulan memandangkan margin keuntungan kasarnya masih negatif. Sejauh manakah kemampuan model perniagaan ini dalam jangka sederhana hingga jangka panjang?</p> <p>2. Setakat 31 Mac 2024, Kumpulan mempunyai penghutang perdagangan berjumlah RM7.16 juta (tahun kewangan 2022: RM3.98 juta) yang telah lewat tempoh tetapi tidak dirosot nilai. Jumlah ini berkaitan dengan beberapa pelanggan bebas yang tidak mempunyai sejarah keingkaran pembayaran terkini (Halaman 127, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila jelaskan sebab di sebalik peningkatan ketara dalam penghutang perdagangan yang telah lewat tempoh tetapi tidak dirosot nilai.</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk mengutip hutang yang masih tertunggak?</p> <p>c) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan itu telah berjaya dikutip sehingga kini?</p>
<p>26.09.24 (Khamis) 02.30 petang</p>	<p>Esthetics International Group Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun pendapatan Kumpulan meningkat sepanjang tiga tahun kewangan yang lalu, Kumpulan terus mencatatkan kerugian bersih walaupun kerugian ini sudah berkurangan (Halaman 15, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah yang menyebabkan kerugian bersih masih berterusan? Bagaimanakah EIG dapat mengurus faktor penyumbang ini untuk menukarkan prestasi Kumpulan kepada menguntungkan?</p> <p>Bilakah prestasi Kumpulan dijangka bertukar kepada keuntungan?</p>

<p>27.09.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>MNRB Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Berdasarkan pendedahan dalam laporan tahunan yang lepas, tahun kewangan 2024 merupakan tahun keempat MNRB melaksanakan Program Transformasi Kumpulan (<i>Group Transformation Programme, GTP</i>) sejak tahun kewangan 2021. Sepanjang tahun kewangan 2024, Kumpulan memberikan tumpuan terhadap pengukuhan transformasi yang berterusan, memajukan inovasi digital dan pendigitalan, mengutamakan perkongsian strategik serta menyepadukan kemampuan dalam perniagaan dan operasi.</p> <p>a) Berapa lamakah lagi GTP ini akan berlangsung? Apakah hasil yang ingin dicapai oleh Kumpulan pada akhir tempoh pelaksanaan GTP?</p> <p>b) MNRB sedang meningkatkan pelaburannya dalam pendigitalan untuk terus mendahului persaingan pasaran serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti.</p> <p>Berapakah jumlah yang telah dilaburkan oleh Kumpulan dalam inisiatif digital sejak pelancaran GTP? Apakah hasil ketara yang dapat dilihat dalam kecekapan dan produktiviti sejak Kumpulan memperkenalkan automasi proses robotik dan automasi proses digital? Berapa banyak lagi yang akan dibelanjakan oleh MNRB untuk proses pendigitalan pada masa hadapan?</p> <p>Apakah perubahan kepada nisbah perbelanjaan pengurusan sepanjang tempoh Kumpulan mempergiat pelaburannya dalam inisiatif pendigitalan? Sila jelaskan kesan pelaburan ini ke atas nisbah perbelanjaan pengurusan Kumpulan pada masa hadapan.</p>
<p>27.09.24 (Jumaat) 10.00 pagi</p>	<p>Fitters Diversified Berhad (AGM)</p>	<p>Setakat 31 Mac 2024, Kumpulan mempunyai penghutang perdagangan berjumlah RM13.4 juta (tahun kewangan 2024: RM14.6 juta) yang sudah lewat tempoh tetapi tidak di rosot nilai. (Halaman 168, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan yang sudah lewat tempoh ini</p>

		<p>adalah daripada pihak berkaitan dan/ atau pelanggan utama?</p> <p>b) Sudah berapa lamakah penghutang perdagangan ini telah tertunggak?</p> <p>c) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan itu sudah berjaya dikutip setakat ini?</p>
27.09.24 (Jumaat) 10.30 pagi	Asia File Corporation Bhd (AGM)	<p>Segmen produk pengguna dan barangan makanan menyaksikan pendapatannya menyusut 5.3% kepada RM46.97 juta pada tahun kewangan 2024. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha meningkatkan jualan produk pengguna dan barangan makanan? Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi cabaran ini?</p> <p>b) Apakah strategi pertumbuhan Kumpulan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang?</p> <p>c) Apakah prospek untuk segmen produk pengguna dan barangan makanan ini?</p>
27.09.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Lay Hong Berhad (AGM)	<p>Penutupan sebuah ladang lama yang menggunakan kaedah pembiakan “deep litter”, ladang ini sedang dalam proses pembinaan semula dan akan dilengkapi dengan peralatan automatik terkini apabila siap. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Berdasarkan surat jawapan Lay Hong bertarikh 27 September 2023 kepada soalan MSWG yang dibangkitkan dalam AGM sebelumnya, tanpa sebarang keadaan yang tidak dijangka, ladang itu dijangka siap dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024. Apakah yang menyebabkan kelewatan itu?</p> <p>b) Apakah status terkini ladang tersebut?</p> <p>c) Bilakah Kumpulan menjangkakan untuk menyelesaikan kerja-kerja pembinaan semula</p>

		ladang tersebut dan seterusnya memulakan operasi?
27.09.24 (Jumaat) 11.30 pagi	United Malacca Berhad (AGM)	<p>Dalam tahun kewangan 2024, UMB terus mempercepat proses mekanisasi di semua estet, untuk meminimumkan kerugian tanaman serta meningkatkan produktiviti, pada masa yang sama mengurangkan pergantungan kepada buruh manual. (Halaman 33, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah peringkat/ tahap semasa proses mekanisasi Kumpulan untuk semua ladangnya?</p> <p>b) Berapakah perbelanjaan yang telah dibajetkan berhubung dengan mekanisasi ladang kelapa sawit UMB yang akan ditanggung oleh Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2025?</p>